



PERJUANGAN MEMPERKASAKAN
PENDIDIKAN di
MALAYSIA

PENGALAMAN
50 TAHUN
MERDEKA

NIK AZIS NIK PA • NORAINI IDRIS



PERJUANGAN MEMPERKASAKAN
 PENDIDIKAN di
 MALAYSIA
 PENGALAMAN
 50 TAHUN
 MERDEKA

NIK AZIS NIK PA • NORAINI IDRIS

PUSTAKA PERDANA



1012538



PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.mybooks.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2008

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nik Azis Nik Pa

Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia: pengalaman 50 tahun merdeka /
Nik Azis Nik Pa, Noraini Idris.

ISBN 978-967-61-2156-8

1. Education and state-Malaysia. I. Noraini Idris. II. Judul.
379.595

Dicetak oleh
UNIPRESS PRINTER SDN BHD
Lot 123A, Jalan TIAJ 2/1
Taman Industri Alam Jaya
Bandar Puncak Alam
42300 Selangor Darul Ehsan



Prakata

Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia zaman sebelum dan selepas 50 tahun merdeka boleh dibincangkan dalam lima fasa yang berbeza, iaitu zaman pramerdeka (sebelum tahun 1957), zaman pembentukan sistem (1957-1970), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), zaman dasar pembangunan negara (1991-2000), dan zaman dasar wawasan negara (2001-2010). Pada zaman pramerdeka, pendidikan yang wujud adalah terasing selaras dengan dasar pecah-perintah yang diamalkan oleh penjajah Inggeris. Pada zaman pembentukan sistem pula, usaha ditumpukan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan. Seterusnya, pada zaman Dasar Ekonomi Baru, pembangunan pendidikan bertumpu kepada usaha untuk menangani masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat bagi mengukuhkan perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan dengan menyediakan peluang pendidikan yang sama untuk semua kaum.

Pada zaman dasar pembangunan negara, asas perundangan bagi pelaksanaan dasar pendidikan diperkukuhkan dan beberapa perubahan besar telah berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Seterusnya, pada zaman dasar wawasan negara, penambahbaikan dan pementapan dalam aspek sistem, struktur, strategi, pentadbiran, perundangan, dasar, dan program pendidikan telah dilakukan dengan mengambil kira pelbagai perubahan dan cabaran abad ke-21 dan era globalisasi. Dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, pengajian rendah dan tinggi perlu berada pada landasan yang kukuh, mantap, dan berkesan. Fokus pembangunan pendidikan termasuklah kepada usaha untuk membangunkan manusia yang memiliki kekuatan diri yang menyeluruh, progresif, kreatif, berwibawa,



berpengetahuan, berkemahiran, berketerampilan, dan berakhlak mulia. Fokus ini disebut sebagai pembangunan modal insan kelas pertama.

Buku ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia berdasarkan pengalaman 50 tahun merdeka. Ia terbahagi kepada 10 bahagian. Dalam Bahagian 1, artikel pertama membincangkan cabaran dan harapan yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan di Malaysia, manakala artikel kedua pula membincangkan secara mendalam satu unsur penting bagi penyelidikan dalam bidang pendidikan. Bahagian 2 pula bertumpu kepada pendidikan matematik dan mengandungi tiga artikel. Ketiga-tiga artikel tersebut membincangkan kajian tertentu dalam bidang pendidikan matematik. Seterusnya, Bahagian 3 bertumpu kepada pendidikan sains dan pendidikan jasmani, dan mengandungi tiga artikel. Artikel tersebut membincangkan penggunaan teknologi dalam pendidikan, realiti pendidikan sains, dan penilaian dalam program pendidikan jasmani.

Bahagian 4 bertumpu kepada pendidikan nilai, moral, pintar cerdas, seks, dan keluarga, dan mengandungi lima artikel. Artikel tersebut membincangkan amalan pendidikan nilai dan moral, pendidikan seks, pendidikan pintar cerdas, realiti pendidikan moral, dan pencegahan jenayah syariah melalui pembangunan keluarga bahagia. Bahagian 5 pula bertumpu kepada kurikulum pendidikan dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan perubahan kurikulum sekolah dan sejarah perkembangan kurikulum sejarah. Seterusnya, Bahagian 6 bertumpu kepada amalan kaunseling dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan khidmat kaunseling di Malaysia dan cabaran pendidikan kaunseling. Bahagian 7 pula bertumpu kepada pendidikan bahasa dan kesusasteraan dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan pemodenan pendidikan bahasa Melayu dan pendidikan kesusasteraan.

Bahagian 8 bertumpu kepada ICT dan pendemokrasian pendidikan dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan perediaan graduan ICT dan biasiswa sebagai penjana pendemokrasian pendidikan. Bahagian 9 pula bertumpu kepada pengurusan dan pentadbiran pendidikan, dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan latihan profesional bagi bakal pentadbir sekolah, dasar dan perancangan pendidikan. Akhir sekali, Bahagian 10 bertumpu kepada

pendidikan matrikulasi dan swasta, dan mengandungi dua artikel. Artikel tersebut membincangkan sumbangan Pusat Asasi Sains dan sumbangan pendidikan tinggi swasta.

25 artikel yang terkandung dalam buku ini sepatutnya dihasilkan berdasarkan gaya penulisan yang dimajukan oleh *Publication Manual American Psychological Association* (Manual APA) edisi kelima. Bagaimanapun, setiap penulis mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berbeza dalam menggunakan manual tersebut. Akibatnya, terdapat beberapa perbezaan dalam gaya rujukan bagi sesetengah artikel. Editor buku ini sengaja tidak membuat pembetulan dan pengeditan tentang beberapa kelainan tersebut demi menekankan bahawa setiap penulis bertanggungjawab terhadap format dan kualiti penulisannya dan terdapat ruang untuk membaiki bagi sesetengah rujukan yang dipaparkan jikalau kita berpandukan Manual APA. Pembelajaran sepanjang hayat adalah penting untuk semua orang, termasuk pakar pendidik dan ahli akademik di institusi pengajian tinggi. Perubahan dan perkembangan dalam bidang pendidikan mendesak semua orang agar sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Sebagai editor, kami amat berterima kasih kepada semua penulis yang sudi berkongsi perspektif mereka dengan pembaca tentang perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia berdasarkan pengalaman 50 tahun merdeka.

Pada kesempatan ini, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua orang yang terlibat dengan penghasilan buku ini. Tanpa sokongan semua pihak, buku ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Sesungguhnya segala yang baik itu datangnya daripada Allah yang Maha Kuasa jua.

Nik Azis Nik Pa
Noraini Idris
Editor



Kandungan

Prakata

Bahagian 1: Penyelidikan dan Pembangunan	1
Bab 1 Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan <i>Nik Azis Nik Pa</i>	3
Bab 2 Analisis Kritis tentang Penggunaan Definisi Operasi dalam Penyelidikan <i>Nik Azis Nik Pa</i> <i>Noor Aini Khalifah</i>	33
Bahagian 2: Pendidikan Matematik	79
Bab 3 Pemeraksanaan Pembelajaran Geometri Pepejal bagi Murid Tingkatan 1 <i>Chew Cheng Meng</i> <i>Noraini Idris</i>	81
Bab 4 Penyelesaian Masalah Kebarangkalian oleh Murid Tingkatan 4 <i>Rugayyah Abdullah</i> <i>Nik Azis Nik Pa</i>	121
Bab 5 Penggunaan Model Solo untuk Menilai Kebolehan Penyelesaian Masalah Matematik Murid Sekolah Menengah <i>Lim Hooi Lian</i> <i>Noraini Idris</i>	153

Bahagian 3: Pendidikan Sains dan Jasmani	185
Bab 6 Penggunaan Teknologi dalam Memperkasakan Pendidikan Sains di Malaysia <i>Mahanom Mat Sam</i> <i>Rohaida Mohd. Saat</i>	187
Bab 7 Pendidikan Sains di Malaysia: Sejarah dan Perjuangan <i>Selva Rane Subramaniam</i>	215
Bab 8 Keperluan Pelaksanaan Penilaian dalam Program Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah <i>Syed Kamaruzaman Syed Ali</i>	238
Bahagian 4: Pendidikan Nilai, Moral, Pintar Cerdas, Seks, dan Keluarga	257
Bab 9 Penelitian Terhadap Konsep dan Amalan Pendidikan Nilai dan Moral <i>Nik Azis Nik Pa</i>	259
Bab 10 Pendidikan Seks untuk Remaja Berkeperluan Khas (Terencat Akal): Satu Analisis Keperluan <i>Khadijah Rohani Mohd. Yunus</i>	308
Bab 11 Perkembangan dalam Pendidikan dan Kajian Kanak-kanak Pintar dan Berbakat <i>Ananda Kumar Palaniappan</i>	336
Bab 12 Realiti Pendidikan Moral di Malaysia <i>Vishalache Balakrishnan</i>	353
Bab 13 Pencegahan Jenayah Syariah Melalui Pembentukan Keluarga Bahagia <i>Nik Azis Nik Pa</i>	369
Bahagian 5: Kurikulum Pendidikan	403
Bab 14 Memperkasa Kesediaan Guru Melaksanakan Perubahan Kurikulum di Sekolah: Satu Perbincangan <i>Habib Mat Som</i>	405

Bab 15	Sejarah Perkembangan Kurikulum Sejarah di Malaysia <i>Aini Hassan</i> <i>Siti Hawa Abdullah</i>	425
Bahagian 6: Amalan Kaunseling		447
Bab 16	Program dan Khidmat Kaunseling di Malaysia <i>Noor Aishah Rosli</i>	449
Bab 17	Pendidikan Kaunselor di Malaysia: Cabaran dan Harapan <i>Rafidah Aga Mohd Jaladin</i>	466
Bahagian 7: Pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan		491
Bab 18	Isu Pemodenan Pendidikan Bahasa Melayu <i>Yahya Othman</i>	493
Bab 19	Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia: Isu dan Cabaran <i>Chew Fong Peng</i>	515
Bahagian 8: ICT dan Pendemokrasian Pendidikan		545
Bab 20	Perspektif Persediaan Graduan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Malaysia <i>Rodina Ahmad</i> <i>Mazliza Othman</i>	547
Bab 21	Biasiswa sebagai Penjana Pendemokrasian Pendidikan <i>Aziah Ismail</i> <i>Abdul Ghani Abdullah</i>	565
Bahagian 9: Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan		587
22.	Mengurus dan Memimpin Sekolah: Keperluan Latihan Profesional Sebelum Memegang Jawatan Pengetua/Guru Besar <i>Ishak Sin</i> <i>Abdul Malek Abdul Karim</i>	589

Bab 23	Dasar dan Perancangan bagi Memperkasakan Pendidikan	612
	<i>Shahril @ Charil Marzuki</i>	
Bahagian 10:	Pendidikan Matrikulasi dan Swasta	631
Bab 24	Sumbangan dan Cabaran Pusat Asasi Sains dalam Memperluaskan Peluang Pendidikan Bumiputera	633
	<i>Azilah Abdul Rahman</i>	
	<i>Yong Zulina Zubairi</i>	
	<i>Nor Sabirin Mohamed</i>	
Bab 25	Kepentingan dan Sumbangan Pendidikan Tinggi Swasta	646
	<i>Norhayati Soin</i>	
	<i>Marizan Mubin</i>	

BAHAGIAN 1

**Penyelidikan
dan
Pembangunan**





BAB 1

Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan

Nik Azis Nik Pa

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesat ekoran pertambahan bilangan murid, program akademik dan latihan, dan institusi pengajian. Sehingga kini, terdapat 20 buah IPTA yang ditubuhkan di bawah AUKU 1971, 32 buah universiti atau kolej universiti IPTS, empat buah cawangan universiti luar negara, dan 485 buah kolej swasta. Enrolmen di kolej kerajaan atau bantuan kerajaan pada Jun 2006 adalah 143 664 orang, manakala enrolmen di universiti kerajaan atau bantuan kerajaan pula adalah seramai 309 091 orang. Seterusnya, bilangan kakitangan akademik di universiti kerajaan dan bantuan kerajaan pada Jun 2006 adalah seramai 17 122 orang.

Di peringkat sekolah pula, enrolmen di institusi pendidikan kerajaan dan bantuan kerajaan pada Jun 2006 adalah 3 136 641 orang di prasekolah dan sekolah rendah, seramai 1 345 019 orang di sekolah menengah rendah, 752 769 orang di sekolah menengah atas, dan 153 894 orang di institusi lepas menengah. Seterusnya, bilangan guru sekolah rendah adalah 194 879 orang, manakala bilangan guru sekolah menengah adalah 138 583 orang. Setakat bulan Jun 2006, bilangan sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan adalah 7616 buah manakala bilangan sekolah menengah pula adalah sebanyak 2047 buah. Bilangan institusi pendidikan swasta pula

adalah 64 buah sekolah rendah, 78 buah sekolah menengah, 60 buah sekolah menengah persendirian Cina, 14 buah sekolah ekspatriat, 34 buah sekolah antarabangsa, 23 buah sekolah rendah agama, 14 buah sekolah menengah agama, dan sebanyak 4377 buah tadika.

Perbelanjaan untuk menguruskan institusi dan program pendidikan adalah besar. Misalnya, kerajaan memperuntukkan 21 peratus belanjawan (*budget*) 2007 atau sebanyak RM33.4 bilion untuk pendidikan. Secara khusus, RM6.7 bilion diperuntukkan untuk pendidikan rendah, RM6.2 bilion untuk pendidikan menengah, RM10.4 bilion untuk pendidikan tinggi, dan RM10.1 bilion untuk program latihan. Data ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Di peringkat sekolah, komitmen itu antara lainnya dihuraikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006), manakala di peringkat tinggi pula, komitmen itu diperjelaskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Matlamat kedua-dua pelan ini adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan yang berkualiti tinggi. Adalah ditegaskan bahawa pihak kementerian mempunyai tanggungjawab untuk memastikan generasi muda akan memiliki modal berbentuk pengetahuan, kemahiran, perwatakan, dan kepimpinan yang cemerlang.

CABARAN KRITIKAL

Dalam era globalisasi, cabaran kritikal yang dihadapi oleh institusi pendidikan di negara kita adalah untuk meningkatkan kualiti institusi secara menyeluruh bagi mengekalkan keyakinan rakyat pada tahap yang lebih tinggi terhadap kecemerlangan institusi tersebut. Kualiti pendidikan yang ditawarkan dan status institusi pendidikan tidak dapat disembunyikan daripada pengetahuan umum sebab terdapat pihak yang membuat perbandingan dan penarafan institusi pendidikan secara global dan menyebarkan maklumat tersebut dengan meluas. Dalam perkara ini, aspek sumber manusia, kurikulum, tadbir urus, kewangan, infrastruktur, perkongsian, pengantarabangsaan, dan budaya perlu dimantapkan supaya institusi pendidikan di negara kita menjadi lebih berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya tahan peringkat global dalam menangani cabaran

globalisasi dan realiti hidup yang sedang mengalami perubahan yang pesat. Berikut adalah beberapa cabaran yang harus diberi perhatian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006; Kementerian Pengajian Tinggi, 2007):

1. *Sumber manusia berkualiti*: Cabaran yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan sumber manusia yang berkualiti. Berikut adalah beberapa objektif teras yang hendak dicapai:
 - Membudayakan ciri profesionalisme, intelektualisme, dan akhlak yang baik dalam kalangan guru, staf pentadbiran, ahli akademik, ahli bukan akademik, dan staf sokongan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan.
 - Menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai budaya di institusi pendidikan.
 - Memastikan program pembelajaran sepanjang hayat dikembangkan di IPT melalui penyediaan infrastruktur dan pelaksanaan kurikulum yang relevan.
 - Memastikan kualiti guru, pembangunan sumber manusia, dan kepimpinan guru besar, pengetua, dan naib canselor dipertingkatkan.
 - Menambah bilangan penyelidik dan penjana pengetahuan baru yang mampu membawa Malaysia ke tahap pencipta teknologi dan inovasi di peringkat global.

2. *Kurikulum berkualiti*: Cabaran yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan kurikulum yang berkualiti. Berikut adalah beberapa objektif teras yang hendak dicapai:
 - Memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah berkualiti, relevan, dan dinamik mengikut perkembangan semasa.
 - Memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan adalah berkesan, dinamik, dan terkini.
 - Memastikan standard pengajian rendah dan tinggi diperteguhkan selaras dengan piawaian antarabangsa.
 - Memastikan pelbagai prosedur dan sistem akauntabiliti disediakan untuk memudahkan pelaksanaan program pendidikan.
 - Memastikan ICT dimanfaatkan secara optimum dan aplikasi ICT dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

- Memastikan sistem pemantauan dan penilaian program pendidikan dimantapkan.
 - Memastikan keberkesanan latihan perguruan dan latihan industri dipertingkatkan.
 - Memastikan program jaminan kualiti dijalankan secara telus dan saksama.
 - Memastikan program pendidikan bagi murid kurang upaya dimantapkan.
 - Memastikan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman dipertingkatkan.
 - Memastikan keupayaan dan penguasaan pengetahuan dipertingkatkan.
 - Memastikan murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi dilengkapi dengan pelbagai jenis kemahiran *hard and soft skills* dan kemahiran keusahawanan.
 - Memastikan sistem penaksiran dan penilaian yang lebih holistik disediakan.
 - Memastikan program kokurikulum dan sukan dimantapkan.
 - Memastikan disiplin murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi diperkukuhkan.
3. *Tadbir urus berkualiti*: Cabaran yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan tadbir urus yang berkualiti. Berikut adalah beberapa objektif teras yang hendak dicapai:
- Memastikan sistem tadbir urus sekolah dan IPT adalah berkesan, cekap, dan telus.
 - Memastikan piawaian, penanda aras, amalan terbaik, dan pengurusan perubahan dikenal pasti, disediakan, dan dilaksanakan secara menyeluruh.
 - Memastikan kepimpinan dan pengurusan sekolah dan IPT adalah mantap.
 - Memastikan mekanisme untuk menaik taraf sekolah dan IPT sedia ada kepada sekolah atau IPT cemerlang disediakan dengan baik.
 - Memastikan struktur tadbir urus sekolah dan IPT dapat menyampaikan perkhidmatan yang dinamik, berkualiti, dan berintegrasi.

- Memastikan ICT digunakan secara meluas dalam sistem penyampaian untuk meningkatkan kecekapan, pengumpulan, dan penyebaran maklumat dalam pengurusan pengajian rendah dan tinggi.
 - Memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, pentadbiran, dan kepimpinan pendidikan dipertingkatkan.
 - Memastikan keupayaan sekolah dan institusi pengajian tinggi ditingkatkan dengan memberi lebih autonomi dalam pelbagai aspek tadbir urus seperti penjanaan dan pengurusan kewangan, penawaran kurikulum, dan pemilihan pentadbir.
4. *Sistem kewangan berkualiti*: Cabaran yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan sistem kewangan yang berkualiti. Berikut adalah beberapa objektif teras yang hendak dicapai:
- Memastikan IPT berupaya menjana sumber pendapatan dari pelbagai sumber secara kompetitif.
 - Memastikan sekolah dan IPT mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengamalkan pengurusan yang cekap.
 - Memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan pendidikan dipertingkatkan.
 - Memastikan autonomi dan latihan pengurusan kewangan dipertingkatkan dan kerenah birokrasi dikurangkan.
 - Memastikan sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin dan berkeperluan khas dimantapkan.
5. *Infrastruktur berkualiti*: Cabaran yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal yang berkualiti. Berikut adalah beberapa objektif teras yang hendak dicapai:
- Memastikan sekolah dan IPT mempunyai persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan yang terbaik.
 - Memastikan sekolah dan IPT mempunyai satu persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pembangunan sekolah dan IPT.
 - Memastikan infrastruktur penyelidikan terkini, infrastruktur pengkomersialan, dan sumber tenaga terlatih disediakan.
 - Memastikan infrastruktur dan kemudahan ICT dipertingkatkan.

Buku ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia berdasarkan pengalaman 50 tahun merdeka. Ia terbahagi kepada 10 bahagian.

PERJUANGAN MEMPERKASAKAN
**PENDIDIKAN di
MALAYSIA**
PENGALAMAN
50 TAHUN
MERDEKA

Bahagian 1 membincangkan cabaran dan harapan yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan di Malaysia; Bahagian 2 perkembangan pendidikan matematik; Bahagian 3 pendidikan sains dan pendidikan jasmani; Bahagian 4 pendidikan nilai, moral, pintar cerdas, seks, dan keluarga; Bahagian 5 kurikulum pendidikan; Bahagian 6 amalan kaunseling; Bahagian 7 pendidikan bahasa dan kesusasteraan; Bahagian 8 ICT dan pendemokrasian pendidikan; Bahagian 9 pengurusan dan pentadbiran pendidikan dan Bahagian 10 pendidikan matrikulasi dan swasta.

Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh para guru untuk membantu memantapkan dan memperkasakan pendidikan di Malaysia. Ia juga sesuai untuk rujukan pelajar di universiti yang mengambil bidang pendidikan dan juga pelajar di maktab perguruan.



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

HARGA : RM39.00
ISBN 978-967-61-2156-8

9 789676 121561

www.mybooks.com.my